

SOALAN NO: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]**  
**TARIKH : 05/04/2018**  
**SOALAN : 22**

**Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah garis panduan berkenaan amalan khidmat doula (pembantu ketika melahirkan) bagi ibu yang mahu bersalin di rumah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Menurut penjelasan *American Pregnancy Organization*, doula ialah seorang pelatih profesional yang membantu memberi sokongan dari segi emosi, memberi maklumat berkaitan kehamilan dan kelahiran (contoh: cara meneran, cara bernafas) serta membantu membuat urutan. Sokongan ini diberikan kepada ibu yang hamil, semasa proses bersalin atau selepas bersalin.

Bagi ibu yang berhasrat bersalin di rumah, beliau dibenarkan bersalin di rumah hanya setelah menepati kriteria yang ditetapkan mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kelahiran tersebut mestilah disambut oleh anggota kesihatan terlatih dan bertauliah. Jika terdapat kehadiran doula semasa kelahiran, ibu harus

tahu bahawa peranan doula terhad kepada sokongan emosi sahaja. Proses kelahiran hanya boleh dikendalikan oleh anggota kesihatan yang terlatih yang hadir dan ibu mesti mengutamakan pandangan dan nasihat oleh anggota berkenaan.